



ISMAIL (enam kiri) bersama tetamu yang menjayakan Majlis Penghargaan E-Komuniti SSIL 2013.

UMS hargai komuniti Labuan

UB 6.4.2013 A5

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak komuniti Labuan dan Sekolah Sains Informatik Labuan, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) kerana berjaya mengadakan usahasama dalam khidmat masyarakat buat kali ketiga.

Beliau berkata, ini adalah indikasi positif untuk UMS sekali lagi mengadakan kerjasama pada masa hadapan bagi mengukuhkan serta menyumbang dalam sektor teknologi maklumat (ICT).

Katanya, Majlis Penghargaan E-Komuniti bersama SSIL ini sebagai tanda penghargaan pihak UMS kepada warga Labuan yang telah memberi

peluang kepada pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan khususnya untuk menyumbangkan tenaga dan komitmen dalam membangunkan masyarakat di Labuan dalam bidang IT.

"Ini juga bertujuan untuk merapatkan dan mengeratkan lagi hubungan antara warga Labuan dan SSIL," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penghargaan E-Komuniti SSIL di Dewan Theatrette, kelmarin. Teksi ucapan beliau disampaikan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut hadir Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, Ismail menyampaikan sijil

penghargaan kepada ketua kampung, komuniti setempat serta guru besar dan pengetua yang menjayakan E-Komuniti SSIL.

Sehubungan itu, Harun berkata adalah menjadikan harapan UMS agar dengan adanya UMSKAL di Pulau Labuan ini, dapat menjadi penghubung kepada penduduk Labuan untuk menerokai dunia ICT yang kini menjadi satu keperluan dalam kehidupan.

Katanya, E-Komuniti ini adalah acara tahunan SSIL dan akan dilaksanakan lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

"Dengan adanya acara sebegini, saya berharap pihak komuniti Labuan sudi menerima pelajar SSIL untuk memberikan sumbangan mereka dalam bidang ICT kepada warga Labuan," katanya.